

## **Perkembangan Konsep Islam Moderat dan Implikasinya Terhadap Keabsahan Pemerintahan Emiriah Arab Bersatu (UAE)**

### *The Emergence of The Concept of Moderate Islam And It's Implication On The Legitimacy Of The Ruler In United Arab Emirate (UAE)*

Sharifah Umairah Syed Mustaffa  
<sup>1</sup>Abdul Muein Abadi

Program Sains Politik  
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>muein@ukm.edu.my

#### **ABSTRAK**

*Pengaruh agama dalam kajian politik mula mendapat perhatian kembali oleh para pengkaji selepas peristiwa Arab Spring tercetus yang telah memberi platform kepada gerakan-gerakan agama yang bersifat multinasional untuk menggugat kedudukan rejim pemerintah. Melalui persekitaran politik di rantau Timur Tengah yang bersifat autokratik dan konservatif, kajian ini mengenalpasti tindakan agresif kerajaan UAE terhadap gerakan Islamis dan usaha mempromosikan perbahasan agama berkonsepkan Islam Moderat secara top-down bagi membentuk identiti agama yang berbeza dari negara-negara jiran. Analisis kualitatif melalui pengumpulan maklumat dan bahan rujukan bertujuan untuk 1) mengenalpasti sejarah dan faktor perkembangan Islam Moderat di UAE. Hipotesis awal pengkaji menegaskan bahawa terdapat tiga bentuk pendekatan kerajaan dalam menentukan acuan konsep Islam di UAE iaitu melalui kekerasan ke atas golongan Islamis, kawalan terhadap institusi agama dan mempromosikan naratif kesederhanaan melalui pelbagai platform di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Tambahan lagi, kerajaan mempromosikan aliran yang saling bertentangan iaitu Neo-tradisionalis dan anti-tradisionalis, namun memiliki persamaan dari sudut pendirian terhadap pemisahan agama daripada campur tangan politik. Justeru, kajian ini akan meneliti konsep Islam Moderat di UAE dan implikasinya terhadap keabsahan rejim monarki.*

**Kata kunci:** Islam Moderat, UAE, Arab Spring, Anti-Tradisionalis, Neo-Tradisionalis

#### **ABSTRACT**

*The influence of religion in the study of politic began to receive attention from researchers after the Arab Spring broke out, which gave a platform to multinational religious movements to challenge the government's position. Through the autocratic and conservative environment of the Middle East region, this study identifies the act of the UAE government confronting the Islamic movement and their role in controlling a religious discourse based on the concept of Moderate Islam in a top-down approach to form a religious identity that is different from neighboring countries. Qualitative analysis through the collection of information and reference materials aims to identify the history and factors of the development of Moderate Islam in the UAE. The researcher's initial hypothesis asserts that there are three forms of the government's approach in determining the mold of the concept of Islam in the UAE, namely violence against Muslims, control over religious institutions and promoting the narrative of moderation through various platforms at the domestic and international levels. On the contrary, the government promotion of contradicted ideology which are Neo-traditionalists and anti-traditionalists, but have similarities in terms of separation of religious interference in politic. Thus,*

*this study will examine the concept of Moderate Islam in the UAE and its implications for the legitimacy of the monarchy.*

**Keywords:** *Moderate Islam, UAE, Arab Spring, Anti-Traditionalists, Neo-Traditionalists*

## 1. Pengenalan

Pengaruh agama di rantau Timur Tengah merupakan aspek yang signifikan disebabkan faktor sejarah kebangkitan ketamadunan agama yang telah membentuk identiti dalam masyarakat Arab secara keseluruhan. Konsep “Ummah” yang terpakai dalam masyarakat Muslim, berteraskan universalisme dengan meletakkan agama sebagai kesepaduan masyarakat tanpa mengira perbezaan bangsa, budaya dan latar belakang adalah jelas berbeza dengan konsep negara-bangsa. Masyarakat Muslim juga terikat dengan konsep Khalifah sebagai pemimpin utama yang menjadi simbol perpaduan masyarakat di seluruh pelosok dunia. Meskipun dalam era kemodenan, konsep ini masih memiliki pengaruh seperti mana kebangkitan aliran salafisme di Arab Saudi, Shiisme di Iran dan kekuatan sejarah empayar Uthmaniyah memberi impak positif terhadap imej Turkiye selepas kemenangan Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP) (Hassan 2018). Namun begitu, selepas peristiwa serangan terorisme 9/11 pada tahun 2001, peristiwa Arab Spring 2011 serta kewujudan aktor bukan kerajaan yang berpengaruh seperti Al-Qaeda dan ISIS telah menggugat dan mengubah wacana agama dengan mengangkat konsep kesederhanaan dan toleransi beragama. Peralihan ini turut mempengaruhi strategi domestik negara-negara Timur Tengah dalam menghadapi gerakan agama yang bebas. Hal ini dilihat penting untuk memastikan kedudukan pemerintahan dalam sesebuah negara khususnya bagi negara Arab yang masih mengamalkan sistem pemerintahan monarki dan autokratik (Baycar & Rakipoglu 2022).

Bermula sejak tahun 2001 sehingga selepas peristiwa Arab Spring berlaku pada tahun 2011, pengkaji mengenal pasti perubahan sikap UAE yang jelas mencirikan peranan signifikan untuk membanteras keganasan dan terorisme. Langkah ini menjadikan UAE semakin cenderung ke arah negara-negara Barat dan ia ditonjolkan melalui sokongan serta penglibatan dalam beberapa misi yang dijalankan oleh Amerika Syarikat termasuklah misi ketenteraan dan perjanjian perdamaian. Malah, perubahan yang jelas juga apabila UAE tidak lagi membawa naratif agama yang sealiran dengan rakan strategiknya iaitu Arab Saudi, sebaliknya memberi dukungan kepada agamawan-agamawan luar seperti Abdullah bin Bayyah yang berasal dari Mauritania untuk mengetuai keilmuan negara Emiratis tersebut. Konsep Islam Moderat diangkat melalui platform khusus di peringkat domestik dan global seperti Forum for Promoting Peace in Muslim Societies (FPPMS). Islam Moderat berpaksikan keterbukaan terhadap perbezaan agama yang mana, ia jelas berbeza dengan ajaran salafi yang mementingkan ketulenan dan menentang keras amalan bid'ah serta terpalit dengan pelbagai sejarah kekerasan agama semasa awal penyebarannya di bawah Ibn Abd-Wahab yang merupakan pelopor aliran wahabi serta Muhamaad bin Saud yang merupakan pengasas kerajaan Arab Saudi (Esposito 2005). Justeru itu, melalui kajian ini akan dapat mengenalpasti faktor setempat iaitu sejarah, budaya dan ekonomi masyarakat bagi memahami peranan agama serta hubungan antara institusi agama dengan pemerintahan. Dengan demikian, tindakan kerajaan mempromosikan konsep Islam Moderat yang berbeza dengan aliran rakan utamanya seperti Saudi dan aliran majoriti lain dapat dikenalpasti kepentingannya. Justeru itu, kajian ini perlu mengenalpasti perbezaan strategi kerajaan dalam menghadapi kelompok Islamis dan kaedah mempromosikannya kepada majoriti rakyat.

## 2. Tinjauan Literatur

Bagi menjawab persoalan dan mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menyoroti beberapa kajian lepas dan mensintesis hujahan daripada kajian para sarjana berkaitan dengan perkembangan konsep Islam Moderat khususnya di UAE dan strategi domestik menghadapi golongan Islamis. Oleh hal demikian, pengkaji akan menengahkan tema utama dalam sorotan kajian lepas yang bersesuaian iaitu hubungan institusi agama dan politik dalam konsep Islam Moderat

### 2.1 Hubungan Institusi Agama Dan Politik Dalam Konsep Islam Moderat

Kajian mengenai konsep Islam Moderat yang diaplikasikan dalam dasar luar sebuah negara telah dijalankan oleh sarjana seperti Andi Purwono dalam jurnalnya *Islam in Foreign Policy: Promotion of Moderate Islam in Indonesia Foreign Policy (2004-2014)*. Kajian beliau menghujahkan agama merupakan faktor yang berpengaruh dalam pembuatan dasar luar Indonesia pada tahun tersebut dan ia menyanggah fokus majoriti ahli akademik yang menyisihkan peranan agama dalam hubungan antarabangsa. Penerimaan terhadap konsep kesederhanaan agama ini dipengaruhi faktor domestik iaitu identiti masyarakat yang heterogenus serta beberapa peristiwa radikal yang telah berlaku seperti serangan terorisme di Masjid Istiqlal dan Bom Malam Krismas sebelum peristiwa global 9/11 berlaku. Konsep Islam Moderat menurut kajian beliau berlandaskan aliran Ahlus Sunnah Waljamaah bersama prinsip yang bersesuaian iaitu *tasamuh* (toleransi), *tawazun* (keseimbangan), *ta'adul / i'tidal* (keadilan), *tawasuth* (kesederhanaan) dan *tasyawur* (musyawarah). Peranan menyebarkan naratif agama yang demikian diletakkan kepada fungsi institusi agama yang bersifat mandiri (independence) seperti Nahdhatul Ulama dan Muhammadiyah. Hubungan institusi ini dilihat bersifat “bottom-top” melalui strategi yang jelas dalam mempengaruhi proses pembuatan dasar melalui dua kaedah utama iaitu mengadakan sesi dialog, konferens atau persidangan bersifat transnasional bagi mendapatkan perhatian kerajaan seperti Jakarta International Conference (2003) yang mempromosikan konsep Islam sebagai “*rahmatan lil alamin*”. Kaedah kedua adalah melalui penglibatan aktif para agamawan dalam mempengaruhi ahli-ahli politik seperti hubungan akrab Kiai Hasyim Muzadi dengan Menteri Hubungan Luar Indonesia. Promosi dasar luar Islam Moderat menurut pengkaji mudah diterima dalam konteks domestik dan rantau Asia Tenggara kerana hubungan agama Islam dan identiti masyarakat Nusantara amat dekat dan Indonesia mempunyai peranan signifikan sebagai pelopor idea-idea Islamisasi yang dieksport ke negara-negara jiran seperti Malaysia.

Namun kajian Panos Kourgiotis terhadap konsep Islam Moderat yang dipromosikan oleh negara Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada tahun 2019 adalah berbeza kerana UAE tidak memiliki sejarah kegemilangan empayar Islam dan tokoh agamawan tempatan yang boleh disanjung, tidak seperti mana Saudi dan Turki yang memiliki imej dan kredibiliti dalam wacana agama. Jurnalnya yang bertajuk ‘Moderate Islam’ Made in the United Arab Emirates: Public Diplomacy and the Politics of Containment menggariskan tiga strategi diplomasi menggunakan naratif Islam Moderat adalah dengan cara 1) menjadi perantara bagi personaliti antarabangsa misalnya menemukan dialog antara Pope Francis dan Imam Besar al-Azhar yang pada pertemuan tersebut para agamawan ini menurut Kourgiotis (2019) tidak kritikal dalam mengkritik tindakan “White Washing” yang jelas dilakukan. Kedua adalah membina imej Islam moderat di peringkat domestik dan serantau melalui dukungan terhadap tokoh agamawan luar dan menubuhkan konferens antarabangsa dan majlis fatwa serta beberapa tindakan popular seperti menukar nama masjid kepada Maryam Um Esa (Maryam ibu Jesus)

dan membina kuil baharu yang terbesar di UAE. Dalam kajian Kourgiotis (2019) mendapati, naratif Islam Moderat hanya digunakan sebagai kaedah untuk menyeimbangkan kecemasan yang diterima daripada aktivis kemanusiaan atas keganasan UAE dalam peperangan proksi dan penindasan buruh yang berlaku di dalam negaranya.

Bermula tahun 2019, kajian akademik berkaitan konsep Islam Moderat yang dibangunkan di negara teluk Arab seperti UAE mendapat perhatian yang semakin meluas khususnya dalam menganalisis fungsi dan hubungan di antara institusi agama dengan pemerintahan. Kajian Kristin Diwan melalui jurnal *Clerical Associations In Qatar And The United Arab Emirates: Soft Power Competition In Islamic Politics* pada tahun 2021 membandingkan fungsi dan hubungan subjek analisis antara aktor baharu di Timur Tengah iaitu Qatar dan UAE dalam mengembangkan naratif agama. Kajian Diwan (2021) mendapati peristiwa Arab Spring menjadi titik perubahan bagi UAE dalam menghadapi institusi agama khususnya Gerakan Islam yang bersifat rentas sempadan dengan mengambil pendekatan konfrontasi. Hal ini memandangkan institusi agama yang bebas dilihat sebagai ancaman terhadap kemandirian rejim pemerintah, justeru kerajaan perlu menyediakan apparatus bagi mencorakkan naratif agama yang mampu menjamin kestabilan domestic. Pengkaji melalui penelitian ucapan, perbicangan, dialog dan fatwa yang dikeluarkan melalui platform seperti Forum for Promoting Peace in Muslim Society (FPPMS), Muslim Council for Elders menyetengahkan wacana agama yang mementingkan hubungan agama dan negara bangsa, punca penyebaran Islamofobia, ekstremisme dan silang budaya antara bangsa dan agama. Diwan (2021) mengenalpasti naratif agama yang dipromosikan UAE menyasarkan hubungan yang lebih erat dengan negara bukan Islam seperti India dan negara-negara Barat terutamanya AS. Hubungan bilateral yang erat ini selain faktor keselamatan yang telah semakin pudar, ia dipengaruhi oleh kepentingan ekonomi dan usaha perkembangan pengaruh UAE dalam rantau Timur Tengah. Justeru Islam Moderat merupakan naratif agama baharu golongan agamawan berpengaruh dalam menyampaikan informasi kepada rakyat tentang program kerajaan yang disokong

Meskipun begitu, analisis kajian sarjana lepas mendapati kurang pengfokusan diberikan terhadap faktor kemunculan Islam Moderat sebagai strategi pemerintah bagi memperoleh keyakinan rakyat majoriti termasuklah untuk menghapuskan penyebaran ideologi agama trans-nasional yang mampu menggugat kestabilan negara.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Teori Kajian**

##### **3.1.1 Islam Moderat**

Konsep moderat atau kesederhanaan dalam beragama merupakan asas dalam prinsip Islam yang disebut sebagai *al-Wasatiyah* (Kesederhanaan). Kesederhanaan dipraktikkan oleh umat Islam berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang menekankan kepentingan kesederhanaan bagi menolak sikap ekstrem dan berlebihan bagi menjamin Islam sebagai agama kedamaian (Ahmad 2010). Terma moderat selaras dengan konsep Islam sebagai *rahmatan lil alamin* (rahmat bagi seluruh masyarakat dunia) yang menghindari amalan kekerasan dan pemaksaan malah menghargai budaya setempat (Abdurrohman 2018) seperti mana dinyatakan dalam ayat al-Quran surah Al-Anbiya ayat 107 :

لِّلْعٰلَمِيْنَ رَحْمَةٌ اِلَّا اَرْسَلْنَاكَ مَا

*“Dan Kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi seluruh alam”*

Namun begitu, konsep Islam Moderat yang dikaitkan khususnya dengan aliran politik tidak memiliki sebarang konsep atau pemahaman yang jelas. Hal ini memandangkan majoriti negara-negara Muslim khususnya di Timur Tengah membangunkan istilah Islam Moderat untuk membentuk identiti Muslim baharu yang bersesuaian dengan kehendak pemimpin negara (Sheline 2017). Contoh ini dapat dilihat sejak tahun 1990-an, apabila Mesir (1979) dan Jordan (1994) telah lebih awal diiktiraf sebagai negara Islam Moderat berikutan kesediaan kedua-dua negara tersebut untuk menjalinkan kerjasama keamanan bersama Israel iaitu melalui Perjanjian Wadi Araba dan Camp David (Sheline 2017). Selain itu, konsep Islam Moderat turut dilabelkan kepada gerakan-gerakan Islam yang cenderung kepada sistem demokratik, menerima nilai pluralisme dan sekularisme. Seperti mana dalam kajian yang dijalankan oleh Omar Ashour (2007) mendapati bahawa gerakan militan Islam iaitu Al-Gama'a al-Islamiyya di Mesir berada dalam proses deradikalisasi apabila berada dalam sistem negara yang demokratik kerana ia akan terbuka kepada nilai politik yang inklusif seperti pluralisme dan sistem politik multi-parti.

Namun begitu, selepas peristiwa 11 September 2001, Amerika Syarikat telah menggerakkan agenda pembentukan identiti Muslim global yang menggunakan istilah Islam Moderat. Dasar ini membenarkan campur tangan negara dalam hal ehwal agama Muslim dengan cara menginstitusikan badan yang mewakili komuniti Muslim di Eropah. Melalui amalan dasar-dasar di Eropah, konsep Islam Moderat berfokus kepada nilai inklusiviti, multikulturalisme dan pluralisme di samping turut menekankan kepentingan dialog inter dan intra agama (Golson 2007). Namun demikian, label Islam Moderat amatlah tidak jelas dan berubah mengikut dasar domestik sesebuah negara. Misalnya, Amerika Syarikat melabel semua negara Islam yang fundamental dan konservatif sebagai radikal dan ekstrem, sedangkan yang bersedia beradaptasi dengan nilai-nilai sekularisme akan diiktiraf sebagai Islam Moderat (Esposito 2005). Justeru itu, Islam Moderat boleh difahami sebagai satu pendekatan yang mementingkan dialog/diskusi inter dan intra agama, tidak bersikap fundamentalis dan bertoleransi kepada bukan Muslim. Malah pendekatan Islam Moderat cenderung kepada nilai-nilai Barat seperti liberalisme dan sekularisme serta pro demokrasi (Safei 2021). UAE sendiri telah mengambil langkah menjalankan Deklarasi Marakesh, mewujudkan forum mempromosi kedamaian dalam komuniti Muslim pada tahun 2014 dan menubuhkan Kementerian Toleransi pada tahun 2016 serta melabelkan negara-negara/organisasi Islam lain sebagai penganas (Sheline 2017). Pihak kerajaan juga akan memberi galakkan kepada para ulama yang mampu menyokong dan membawa aliran yang sehaluan. Tokoh lulusan Saudi seperti Abdullah Bin Bayyah serta Hamzah Yusof antara contoh golongan ulama yang didanai oleh kerajaan. Forum dan dialog agama diwujudkan untuk mempromosikan naratif Islam Moderat seperti yang jelas dalam persidangan Forum Promoting Peace In Muslim Societies' (PEACEMS), menggariskan 5 amalan utama iaitu (a) menghidupkan semangat hidup bersama, (b) menghidupkan semula nilai kemanusiaan dalam semua agama, (c) menggunakan metodologi saintifik untuk membetulkan pandangan yang menyimpang tentang agama, (d) menggalakkan ulama untuk berdakwah tentang toleransi dan keamanan dan akhir sekali, (e) meningkatkan peranan UAE dalam menyebarkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran kepada Masyarakat Islam dan bukan Islam (PEACEMS 2014).

### **3.2 Metodologi Penyelidikan**

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif akan dijalankan melalui pembacaan yang akan meliputi kajian daripada sumber perpustakaan bagi mengumpul bahan-bahan berkaitan dengan tajuk untuk mendapatkan maklumat sekunder yang bersesuaian dengan kerangka konseptual dan sorotan kajian lepas yang diperlukan. Sumber sekunder akan diperoleh daripada kajian buku-buku ilmiah, buku akademik, jurnal, dokumentasi, makalah, akhbar, laman sesawang, akhbar digital, artikel digital dan lain-lain. Bahan-bahan akan diperoleh terutamanya daripada Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Pusat Sumber Jabatan Sejarah, Sains Politik dan Strategi (SPHEA) serta Pusat Kajian Antarabangsa (IKMAS).

### **3.3 Skop Kajian**

Skop kajian ini akan dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu kategori struktural, temporal dan regional. Skop struktural adalah berfokus kepada subjek yang ingin dikaji, manakala skop temporal adalah batas waktu dan skop regional adalah kawasan kajian.

Dari sudut struktural, kajian ini akan memberi fokus kepada peranan agama dalam masyarakat serta hubungan kerajaan UAE dengan institusi agama. Hal ini memandangkan, hubungan kerajaan dan institusi agama akan mencerminkan tindakan negara dalam berhadapan tuntutan dan perkembangan aliran ini serta mengenalpasti respon ketika berlaku konflik di antara keduanya.

Kategori temporal pula akan diskopkan kepada batas waktu seawal penubuhan Emirat Arab Bersatu (UAE) iaitu pada 2 Disember 1971 sejurus selepas British meninggalkan wilayah tersebut. Bertitik tolak daripada itu, enam Emirat telah bergabung dan membentuk sebuah federasi pada 10 Februari 1972. Sepanjang tempoh ini, UAE hanya dipimpin oleh 3 orang presiden yang telah mencorakkan dasar-dasar negara tersebut sehingga 2022.

Akhir sekali, fokus kajian ini dalam aspek regional adalah ke atas negara UAE. Hal ini merangkumi 7 “sheikhdom” yang bergabung dalam pentadbiran federalisme iaitu Abu Dhabi, Ajman, Dubai, Fujairah, Ras al-Khaimah, Sharjah, and Umm al-Qaiwain.

## **4.0 Perbincangan**

### **4.1 Sejarah Penubuhan & Sistem Pentadbiran Uae**

#### **4.1.1 Sejarah Penubuhan UAE**

Sejarah penggabungan UAE bermula dengan kedatangan British yang telah memeterai perjanjian dengan negara-negara Emirat di bahagian selatan Teluk Persia dan merangkumkan negara-negara tersebut sebagai sebuah wilayah jajahan yang disebut sebagai Trucial State iaitu terdiri daripada enam “sheikhdom” termasuklah Abu Dhabi, Ajman, Dubai, Ras al-Khaimah, Sharjah, dan Umm al-Quwain (Peterson 2022). Hubungan di antara Trucial States dan United Kingdom (UK) dapat dijejaki bermula seawal tahun 1820 melalui Perjanjian Am Maritim yang ditandatangani untuk melindungi kepentingan UK terutamanya di Selat Hormuz daripada serangan kelompok lanun yang sebenarnya terdiri daripada kabilah Al-Qasimi yang merupakan keturunan pemimpin di Sharjah dan Ras Al Khaimah. Pada fasa awal ini, bahagian Selatan Teluk Persia sememangnya dimonopoli oleh keturunan al-Qasimi yang merangkumi sehingga tujuh puluh satu kawasan pemerintahan dan menguasai penuh urusan perdagangan maritim (Osborne 1977). Selepas beberapa perjanjian susulan dibentuk, negara-

negara Emirati bersetuju menandatangani Perjanjian Eksklusif pada tahun 1892 yang akan menjamin kedaulatan negara-negara tersebut daripada campur tangan British yang hanya ingin mengambil alih kuasa maritim dan memberi perlindungan ketenteraan dengan syarat khusus iaitu Trucial State tidak dibenarkan membina hubungan dengan negara luar tanpa terlebih dahulu mendapat perkenan kerajaan British. Melalui perjanjian ini, para raja (Sheikh) mendapat legitimasi dan punca kuasa pemerintahannya daripada penjajah British.

Namun menjelang pertengahan abad ke-20 yang menyaksikan pengaruh penjajahan British semakin berkurang, keputusan secara mendadak dibuat untuk memerdekakan Trucial State sepenuhnya. Situasi mendadak ini tidak digemari pimpinan elit tempatan kerana melihat keperluan dan kebergantungan mereka kepada Britain sebagai negara kecil daripada ancaman sekeliling seperti Iran, Oman dan Saudi adalah penting (Shoup 2022). Hal ini memandangkan British akan menarik semula tentera-tentera yang ditempatkan untuk melindungi kawasan Emirati tersebut. Perkara ini dibimbangi oleh elit politik kerana rantau ini sejak awal telah menghadapi pelbagai pertikaian terutamanya mengenai pemilikan wilayah sebagaimana tuntutan Iran ke atas Bahrain dan beberapa teluk yang lain, pertikaian teritori antara Qatar dan Bahrain ke atas kepulauan Zubarah dan Hawar serta konflik Buraimi yang menjadi rebutan di antara kerajaan Arab Saudi, Abu Dhabi dan Oman (Osborne 1977). Meskipun begitu, pada tahun 1971, enam buah Emirati iaitu Abu Dhabi, Dubai, Ajman, Sharjah, Umm Al Quwain dan Fujairah bersetuju membentuk sebuah persekutuan yang merdeka dan berasaskan perlembagaan serta kemudiannya, pada tahun 1972 disertai Ras al Khaimah (Christie 2010).

Pada 29 dan 30 November 1971 iaitu sebelum penyatuan dan pembentukan UAE secara rasmi berlaku, sekumpulan batalion tentera Iran telah menawan Pulau Abu Musa dan "Lesser & Greater Tunbs". Pertempuran antara sejumlah 2000 tentera Iran berhadapan hanya 6 pegawai polis di Greater Tunb telah membawa kematian 4 orang polis Ras Al-Khaimah manakala 3 tentera Iran terbunuh. Seterusnya, tentera Iran yang berjaya menawan kepulauan tersebut telah menghancurkan sekolah, balai polis dan beberapa rumah serta mengusir penduduk tempatan agar meninggalkan pulau tersebut (Osborne 1977). Keadaan ini menggambarkan ketegangan dan konflik yang sering berlaku di rantau ini disebabkan pertelingkahan sempadan, justeru membimbangkan negara-negara kecil sekiranya perlu berhadapan kuasa yang lebih besar di rantau tersebut. Selepas peristiwa demikian, tarikh tersebut diabadikan sebagai syahid pertama warga Emirati dalam mempertahankan negara dan 30 November ditetapkan sebagai Hari Peringatan.

#### *4.1.2 Kesan perkembangan industri minyak*

Pembinaan sebuah negara baharu iaitu UAE memberikan kelebihan kepada 2 Emirati yang paling besar dari sudut keluasan, saiz penduduk dan kepesatan ekonomi iaitu Abu Dhabi dan Dubai. Abu Dhabi sebagai contoh meliputi 26,000 batu persegi daripada 33,000 keluasan UAE keseluruhannya dan Dubai seluas 4,114 kilometer persegi berbanding beberapa daerah seperti Ajman hanya berkeluasan 100 batu persegi. Dubai juga menjadi daerah paling padat dengan jumlah bancian penduduk pada tahun 2023 sekitar 3,552,346 orang (The UAE 2023). Selain itu, saiz ekonomi juga menunjukkan Abu Dhabi memiliki kadar per kapita yang tinggi dan menjadikan ianya sebagai bandar terkaya di dunia iaitu sekitar EUR 3.5 billion pada tahun 1971, justeru Abu Dhabi menjadi penyumbang terbesar kepada sumber ekonomi dan belanjawan UAE yang diikuti penyumbang kedua terbesar iaitu Dubai. Perkembangan pesat dua "sheikhdom" ini dianalisis berkait rapat dengan penemuan minyak yang menjadi sumber terbesar kepada ekonominya sejak 1968. Kepulauan Das di Abu Dhabi sebagai contoh, jelas

menggambarkan kesan awal terhadap penemuan minyak mentah yang telah memajukan ekonomi secara mendadak serta mengubah demografi penduduk. Ketika proses penggalian minyak bermula pada tahun 1968, seramai 2000 pekerja lelaki dari 15 negara yang berbeza telah dibawa masuk untuk memenuhi keperluan tenaga buruh dalam industri cari gali (Anthony 1975).

Semenjak penubuhan UAE, pertumbuhan antara “sheikhdom” dilihat amat dipengaruhi oleh jumlah pemilikan minyak kerana daerah seperti Abu Dhabi dan Dubai menunjukkan jurang yang tinggi berbanding daerah yang tidak memiliki minyak dari sudut pertambahan populasi, perkembangan ekonomi, pembangunan dan tahap pendidikan serta kadar celik huruf. Penemuan minyak bermula di Abu Dhabi, kemudiannya diikuti Dubai (1966), Sharjah (1972) dan daerah keempat ialah Rais Al-Khaimah (1983) dan jumlah penggalian minyak terus bertambah khususnya Abu Dhabi yang menghasilkan sehingga 92.2 billion tong daripada jumlah keseluruhan UAE iaitu sebanyak 97 billion tong, malah daerah ini turut mampu untuk terus menghasilkan pengeluaran yang tinggi secara konsisten sehingga pada tahun 2005 kadar penghasilannya berada pada kadar 2.24 juta tong setahun (Suleiman 2007). Dengan demikian, Abu Dhabi dan Dubai mendapat kekuatan serta kekuasaan (supremacy) berbanding daerah lain kerana simpanan minyaknya yang besar. Justeru, hierarki dan autoriti kedua-dua daerah ini lebih tinggi termasuklah dalam sistem sistem federalisme yang menjadikannya terpusat di bawah dua penguasa daerah tersebut, manakala empat daerah yang tidak memiliki sumber minyak amat bergantung kepada sumbangan kedua-dua daerah tersebut dalam sistem persekutuan (Anthony 1975). Industri minyak bermula tahun 1966 iaitu selepas resolusi No.2158 dipersetujui oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menggesa agar negara menasionalisasikan industri minyak yang dikawal sepenuhnya oleh syarikat asing. Kerajaan sebaliknya hanya menerima keuntungan melalui bayaran/royalti daripada hasil galian minyak yang dijumpai dalam negara tersebut dengan jumlah yang tidak setimpal. UAE kemudiannya telah membina syarikat minyak pertama iaitu Abu Dhabi National Oil Company (ADNOC) pada tahun 1971 selepas kemerdekaan.

Hossein Mahdavy yang merupakan pengkaji politik dan ekonomi Iran meneliti kesan pengindustrian minyak di Iran terhadap hubungan kerajaan dan rakyat yang diperintah melalui teori negara rentierisme. Teori negara rentierisme (RST) menjelaskan bahawa hubungan di antara pemerintah dan rakyat bersifat satu hala kerana kerajaan yang mendapat hasil keuntungan daripada galian minyak tidak memerlukan bayaran cukai rakyat bagi menyediakan belanjawan negara. Hal sebaliknya adalah apabila rakyat sahaja yang memerlukan kerajaan bagi mendapatkan bantuan seperti subsidi keperluan asas, pakej bantuan kewangan serta kadar cukai yang amat rendah atau hampir tiada. Justeru itu, hubungan ini tidak bersifat timbal-balik dan menjadikan masyarakat tidak berminat dan rendah kadar keterlibatan politik kerana kebebasan politik menjadi nilai tukaran kepada jaminan perkembangan ekonomi dan kestabilan politik negara oleh pemerintah. Meskipun begitu, analisis Gray (2011) menghujahkan inovasi teori iaitu teori “Late Rentierism” yang mengfokuskan kepada kemajuan yang berlaku di negara-negara teluk dan mengenalpasti pengaruh ekonomi “rentier” terhadap pembangunan dan sistem politik baharu di negara GCC. Hal ini seperti mana pandangan Anoushiravan Ehteshami (2003) bahawa negara-negara rentier tidak memiliki pilihan selain mempertimbangkan pembaharuan ekonomi dan politik seperti mana pengaruh yang wujud di peringkat domestik mahupun serantau. Namun begitu, pemacu perubahan utama adalah terletak pada kuasa pemerintah sendiri, perubahan hanya berlaku apabila penguasa memilih untuk melakukannya. Meneliti daripada perspektif UAE, jelas bahawa limpahan kekayaan minyak menyebabkan kebertanggungjawaban di antara kerajaan dan rakyat adalah rendah. Meskipun begitu, kemajuan dan pembangunan yang digiatkan oleh pemerintah didorong oleh beberapa faktor penting iaitu perubahan kepimpinan



baharu khususnya di bawah Presiden Sheikh Mohammed bin Zayed al-Nahyan dan persaingan antara negara rantau khususnya Arab Saudi, Qatar dan Bahrain yang juga memiliki kemajuan ekonomi berasaskan sumber semula jadi serta berusaha mengembangkan potensi ekonomi lain seperti pelancongan (Soltan 2015).

#### *4.1.3 Sistem politik sebelum kemerdekaan dan persaingan antara “Sheikhdom”*

Sebelum kedatangan British, UAE telah mengamalkan sistem tribalisme yang menekankan sistem kekuasaan keturunan. Pada abad ke-19, persaingan antara Bani Yas dan Bani Qawasim dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Abu Dhabi dibawah Bani Yas dan Sharjah serta Rais Al-Khaimah berada dalam kekuasaan Qawasim. Bahagian al-Khaimah yang dikuasai kelompok Qawasim dilimpahi kemewahan dan penguasaan laut manakala Bani Yas di Abu Dhabi mempunyai pengaruh di kawasan daratan. Ketika zaman pemerintahan Zayid bin Khalifah (1855-1909), beliau telah mula membangunkan Abu Dhabi bersama Dubai yang mula terkenal dengan pembinaan pelabuhan baharu yang mencabar monopoli Sharjah. Pada abad ini, Dubai mula menjadi pelabuhan tumpuan bagi Trucial States dan pusat perdagangan yang pesat. Disebabkan majoriti penduduk di “sheikhdom” tersebut merupakan masyarakat Badwi yang masih terikat dengan sistem politik tradisional, maka raja diberikan kuasa mutlak sehingga kehadiran British yang kemudiannya telah menyekat kuasa raja terhadap maritim, menjadi sebab keturunan Al-qawasim semakin lemah. Sistem pemerintahan pada tempoh tersebut mengambil pendekatan paternalistik dan memusatkan kuasa pada monarki di samping terdapat kaedah semak imbang melalui Majlis Orang Terhormat (Assembly of Notables) khususnya dalam usul-usul yang begitu penting (Zahlan 1978).

#### *4.1.4 Sistem pemerintahan pasca-kemerdekaan*

Pasca kemerdekaan, beberapa perubahan penting telah dibentuk untuk membangunkan sistem pemerintahan UAE yang baharu. Langkah signifikan yang dijalankan termasuklah penubuhan UAE Supreme Council yang terdiri daripada 7 Emir daripada setiap “sheikhdom” dan bersidang sebanyak 4 kali setahun. Majlis ini bertanggungjawab membuat polisi di peringkat persekutuan merangkumi hal ehwal kesihatan, pendidikan dan polisi hubungan luar serta melantik dua jawatan terpenting iaitu Presiden dan Naib Presiden. Justeru, Sheikh Zayed Bin Sultan Al-Nahyan yang merupakan raja Abu Dhabi menjadi presiden UAE pertama dan Sheikh Maktoum bin Rashid Al Maktoum yang merupakan Emir Dubai menjadi naib presiden dan perdana Menteri UAE. Meskipun tidak termaktub dalam mana-mana peruntukan undang-undang, namun terdapat tradisi yang memberikan kelebihan kepada Emir Abu Dhabi untuk dilantik sebagai presiden disebabkan kedudukan Abu Dhabi yang lebih tinggi melihatkan kepada pembangunan dan sumbangannya yang merangkumi kira-kira 90% belanjawan negara serta memiliki veto dalam Majlis Tertinggi (Supreme Council) bersama Dubai (Peterson 2022).

Selain Majlis Tertinggi, badan terpenting dalam sistem pemerintahan UAE adalah The Federal National Council (FNC)/al-Majlis al-Watani al-Ittihad yang merupakan badan penasihat separa-parlimen dengan keahlian seramai 40 individu. Pembentukan badan ini bermula pada tahun 2006, sebagai agenda reformasi politik di negara tersebut. 20 ahli daripada badan ini dipilih melalui pilihanraya menggunakan sistem Electoral College dan 20 yang lain dipilih oleh Emir dari setiap daerah masing-masing. Pilihanraya pertama dijalankan pada tahun 2006 dan dijalankan bagi setiap 4 tahun berikutnya (Soltan 2015). Meskipun begitu, agenda reformasi ini dilihat masih jauh dari mengangkat nilai demokratik kerana

proses pemilihan dan pilihanraya tidak melihatkan ketelusan serta sebahagian kumpulan pendesak dalam negara berpandangan agenda ini langsung tidak memadai kerana pemusatan kuasa masih berlaku terhadap sistem monarki atau kuasa raja. Dalam erti kata mudah, penubuhan FNC tidak membawa UAE ke arah negara pendemokrasian kerana sistem semak imbang kepada kuasa eksekutif masih tidak wujud (Freer 2017). Tambahan lagi, Suleiman (2007) melihat hubungan kerajaan-rakyat yang diikat melalui jaminan kebajikan dan limpahan kekayaan hasil minyak menjadikan penentangan terhadap pemusatan kuasa dan pemerintahan autokratik tidak begitu menonjol malah rakyatnya cenderung bersikap “political apathy”. Situasi ini merupakan keadaan normal memandangkan sistem politik Trucial State sebelum kemerdekaan per se tidak signifikan dalam rantau Timur Tengah dan tidak begitu terjejas dengan faktor luaran seperti persaingan kuasa besar sebelum perang dunia berlaku. Pada abad ke-20, persaingan politik lebih sengit berlaku di antara “sheikhdom” sendiri dan dalam kalangan kerabat pemerintah ketika menyesuaikan sistem tradisional dan federalisme. Dua bulan selepas kemerdekaan UAE, sebuah kudeta cuba dilakukan yang dipimpin oleh Sheikh Saqr bin Sultan bin Saqr Al Qasimi iaitu bekas pemerintah Sharjah. Selain itu, perpecahan antara “sheikhdom” turut berlaku dan dapat diperhatikan ketika peperangan Iran-Iraq, apabila Abu Dhabi, Ajman dan Ras al-Khaimah memilih untuk menyokong Iraq manakala Dubai, Sharjah dan Umm Al-Qawain mengekalkan hubungan baik dengan Iran berbanding Iraq (Foley 1999).

Meskipun begitu, kepimpinan UAE di bawah Sheikh Zayed bin Sultan Al-Nahyan didapati berjaya menyatupadukan persaingan dalaman “sheikhdom”, mengurangkan persaingan inter-daerah dan termasuk berjaya menggabungkan ketenteraan setiap daerah ke dalam badan ketenteraan berpusat. Justeru, perkembangan UAE semakin pesat apabila mampu mengekalkan kestabilan dalaman negara dan menggunakan hasil kekayaan minyak secara optimum termasuklah menaja percaturan strategiknya di rantau Timur Tengah (Zahlan 1978).

## **4.2 Demografi Penduduk**


### *4.2.1 Kelas Masyarakat*

Meskipun di daerah yang berbeza memiliki komposisi masyarakat yang bervariasi, namun rakyat UAE secara umumnya terbahagi kepada empat golongan yang terdiri daripada 1) para raja serta kaum-kerabatnya, 2) para peniaga/usahawan atau sebahagian pengkaji juga melabelkannya sebagai golongan “bourgeoise”, 3) golongan ekspatriat sama ada dari kelompok bekas koloni seperti Britain, Iran atau negara-negara lain dan masyarakat bukan elit yang juga dikategorikan sebagai kelompok “proletariat” iaitu kelas pekerja. Pengkelasan masyarakat di UAE amat berkait rapat di antara hubungan individu dengan kekerabatan raja, hal ini memandangkan sistem pengkabilahan dan taat setia raja yang digunakan sebagai syarat kerakyatan sebelum merdeka, masih memiliki pengaruhnya pasca pembinaan negara UAE. Hal ini melihat kepada kedudukan raja dan kerabatnya di setiap daerah yang berada pada kedudukan hierarki tertinggi dalam piramid sosial dan menguasai industri ekonomi terbesar seperti minyak dan mengawal politik nasional melalui jawatan-jawatan penting termasuklah dalam kabinet yang dikhususkan kepada kaum kerabat dari Dubai dan Abu Dhabi. Justeru UAE juga dikenalpasti sebagai negara oligarki yang didominasi oleh sekelompok kecil individu yang bernaung dan mempunyai hubungan diraja (Bel-Air 2015). Meskipun begitu, kerakyatan warga UAE semenjak 1975 tidak lagi berdasarkan kesetiaan kepada raja semata-mata sebaliknya memiliki aspek naturalisasi yang berdasarkan peruntukan undang-undang kepada individu yang memiliki kaitan kekeluargaan dengan

rakyat tempatan atau telah menetap lebih 30 tahun di negara tersebut melalui kaedah permohonan (Anthony 1975).

#### 4.2.2 Kesan kemasukan golongan ekspatriat

Proses pembangunan industri minyak yang pesat di negara tersebut telah menarik kemasukan pekerja buruh dalam skala besar termasuk tenaga buruh tidak mahir sehingga kelas buruh berkemahiran tinggi bagi menampung kekurangan tenaga kerja dan jumlah penduduk asal yang sedikit. Meskipun begitu, proses ini telah mengakibatkan kebanjiran warga bukan etnik asal Emirat yang dikritik sebagai ancaman dan risiko terhadap kestabilan negara serta kecairan identiti nasional.



Rajah 2: Jumlah populasi penduduk UAE di antara golongan Emirat dan Bukan Emirat mengikut tahun (1975; 1980; 1985; 1995; 2005 and 2010) (Bel-Air, 2015)

Rajah 2 menerangkan pertambahan penduduk bukan-Emirat secara mendadak yang menenggelamkan populasi Emiriah sebagai penduduk asal. Perubahan demografi penduduk mewujudkan kerencaman budaya dan kecairan identiti nasional sehingga wujud pelbagai kritikan dan kebimbangan di peringkat domestik mengenai masalah ini. Dr. Ameenah Al Daheri dalam temu bualnya menggambarkan penggunaan bahasa Arab akan semakin kurang digunakan dan budaya Emirat dalam generasi baharu akan berlaku, justeru beliau amat membimbangi proses pembangunan di negara tersebut yang lebih banyak menyasarkan kelompok ekspatriat berbanding penduduk asal. Hal ini menurut beliau telah jelas berlaku di beberapa bandar apabila dimonopoli penduduk bukan Emiriah dan warganegara asal hanya tinggal di kawasan pinggir bandar kerana lokasi program perumahan yang disediakan kerajaan. (Mohamed 2008).

Meskipun begitu, kerajaan sebaliknya melihat kebanjiran golongan bukan Emiriah amat penting untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi, justeru itu semangat multikulturalisme perlu dititikberatkan. Kesedaran ini termasuklah untuk menyekat idea bersifat transnasional seperti ideologi Islamisme di Timur Tengah yang cenderung menyentuh kepentingan pendemokrasian sebagaimana yang dibawa gerakan Ikhwanul Muslimin atau pembinaan sebuah negara Islam (Islamic State) dengan konsep kekhalifahan yang menggunakan pendekatan radikal seperti ISIS dan Al-Qaeda. Malah kajian Martín (2014) mendapati rakyat asal Emirat turut dipengaruhi oleh sosio-politik golongan buruh

yang datang dari negara Arab seperti Mesir, Palestin, Lubnan dan Yaman. Kesan migrasi warga Arab sebelum kemerdekaan UAE memberi pengaruh kepada kelompok penduduk asal yang disebut sebagai “Khaleeji” iaitu melalui pengaruh idea pan-Arabisme pada tahun 1970-an dan gerakan-gerakan kiri yang mencabar sistem monarki di Emirat tersebut. Justeru golongan imigran Arab banyak dibuang negeri dan kerajaan menggalakkan kemasukan buruh yang berasal dari negara India dan Asia yang kurang berpolitik dan tidak menyebarkan idea-idea progresif bagi menjamin keutuhan pemerintahan sedia ada. Jumlah migran Arab yang pada 1975 sebanyak 72% telah berkurang kepada 25-29% sahaja manakala buruh dari India, Bangladesh, Pakistan dan Filipina antara yang meningkat secara mendadak.

Kebergantungan kepada buruh asing untuk pembangunan ekonomi bermula melalui sistem Penjanaan Kafala (Kafala Sponsorship System) yang membenarkan syarikat mengupah buruh asing dengan syarat tertentu untuk mengawal dan memudahkan proses kemasukannya. Meskipun begitu, sistem ini dikritik hebat kerana sistem Kafala yang diamalkan oleh beberapa negara Arab termasuk Jordan, GCC serta Lubnan bagi pengambilan pekerja asing dengan majikan menanggung kos penginapan serta pengangkutan mengandungi pelbagai ruang eksploitasi dan penindasan hak seperti tidak membayar gaji serta penderaan pekerja disebabkan campur tangan kerajaan yang minima dalam menjaga buruh asing. Namun demikian, terdapat beberapa usaha penambahbaikan sistem dilaksanakan termasuk pada tahun 2020 dengan meletakkan syarat gaji minimum dan perlindungan insurans bagi buruh asing. Meskipun begitu, masalah berhubung hak dan layanan terhadap buruh asing melalui sistem ini masih berlaku disebabkan kelemahan aspek perundangan serta penguatkuasaan, namun demikian gesaan terhadap penyelesaiannya hanya vokal dilontarkan daripada organisasi antarabangsa seperti Amnesty International.

Hal ini bertambah malang apabila para pekerja tidak dibenarkan membentuk kesatuan sekerja atau terlibat dalam organisasi sedemikian bagi mengelakkan pengaruh-pengaruh aliran tertentu yang akan menyebabkan golongan buruh terorganisasi sebagai sebuah gerakan (Martín 2014). Hal ini ditambah dengan indeks kajian daripada The Gulf House for Studies and Publishing (2022) yang menunjukkan bahawa partisipasi politik masyarakat di UAE berada pada keadaan kaku (stagnant) buat beberapa tahun. Kajian tersebut menganalisis sepuluh bahagian meliputi masyarakat sivil, organisasi politik, kebebasan bersuara, pilihanraya umum dan ketelusan yang kekal berada pada tahap kurang 25%. Data ini bertepatan dengan tindakan kerajaan yang tegas dalam menangkap oposisi politik serta aktivis hak asasi di negara tersebut. Beberapa siri tangkapan/dakwaan terhadap pengkritik telah terpalit dengan tuduhan bahawa kerajaan menggunakan kekerasan seperti kes Ahmed Mansoor yang telah mendedahkan salah laku penguatkuasa terhadap tahanan di penjara melalui surat yang ditulisnya kepada media serta kes yang melibatkan 68 individu yang dijatuhkan hukuman 10-15 tahun penjara dalam UAE 94 trial iaitu antaranya ialah Nasser bin-Ghaith dan Mohammed al-Roken (Human Right Watch 2021). Di samping Gerakan sivil yang lemah di negara tersebut, kajian Yaghi & Antwi-Boateng (2015) mendedahkan kadar partisipasi yang rendah serta sistem yang tidak telus dalam pengundian. Hal ini diterangkan bahawa pada pilihanraya FNC pertama, hanya 1% daripada keseluruhan populasi UAE terlibat dalam menjadi calon dan proses pengundian manakala pada pilihanraya 2011 hanya menunjukkan peningkatan kepada 13% penglibatan. Malah, kegiatan politik sepanjang tempoh pilihanraya turut dihadkan apabila syarat pencalonan hanya kepada individu tanpa membenarkan parti politik mendukung calon tertentu. Pengkaji justeru berpandangan bahawa pendemokrasian sistem politik di UAE yang masih berada pada tahap rendah telah mengehadkan ruang partisipasi dan penglibatan rakyat dalam pembuatan keputusan. Dengan demikian, hubungan kerajaan-rakyat bersifat sehalu dengan rakyat tidak terdedah kepada idea-idea kritikal dan bersikap apathy. Dengan itu, mobilisasi politik rakyat dilihat begitu

rendah dan pola pengundian banyak bergantung kepada kemahiran komunikasi (85.8%), tahap pendidikan calon (81.6%) manakala kecenderungan calon yang pernah bertanding dipilih semula (78.1%). Berdasarkan faktor berikut, pengundi dihujahkan oleh Yaghi & Antwi-Boateng (2015) memilih untuk menunjukkan sikap pengekal status quo semasa bagi terus memperoleh faedah yang telah dimiliki.

#### *4.2.3 Pengaruh institusi agama dalam sistem pendidikan*

Kesan industrialisasi ekonomi melalui penemuan sumber asli turut memberi kesan terhadap kemajuan taraf pendidikan rakyat termasuk dengan bertambahnya kadar celik huruf iaitu sebanyak 95.53% pada tahun 2021 berbanding hanya 53.51% pada tahun 2017. Dalam aspek pendidikan, sejarah awal perkembangan sistem pendidikan di UAE bermula secara tidak formal di masjid dengan dipandu atau diajar oleh para Mutawa. Mutawa yang merupakan gelaran kepada imam masjid adalah antara individu yang paling dihormati keilmuannya dan beramal dengan ajaran agama. Di beberapa daerah khusus seperti Julphar yang kemudiannya ditukar nama kepada Ras Al-Khaimah, kaedah pengajaran secara bulatan atau berkumpul amat digemari yang mana seorang ulama akan mengajar sekumpulan pelajar secara terus sama ada di masjid, istana atau kediaman peribadi. Kebiasaannya, subjek yang diajar tidak banyak perbezaan dengan pengajaran golongan Mutawa iaitu seperti mempelajari al-Quran & sunah, menulis serta mengira. Pendidikan agama merupakan satu-satunya sistem pendidikan yang tersedia dan berkembang pesat di negara tersebut, malah kebiasaannya para ulama dari negara lain khususnya Arab Saudi akan dijemput untuk mengisi kekurangan tenaga pengajar di daerah-daerah sebelum UAE mencapai kemerdekaan. Sistem pendidikan moden hanya dimulakan pada tahun 1953 oleh Sheikh Mohammed Al-Mahmoud di Sharjah dengan mengambil model kurikulum dari negara Kuwait dan turut memberi akses pendidikan moden kepada para wanita setahun selepas penubuhannya. Pasca kemerdekaan UAE, tahap pendidikan rendah diwajibkan kepada semua rakyatnya dan pendidikan adalah diberikan secara percuma. Sehingga kini, evolusi sistem pendidikan UAE tidak meninggalkan dua identiti penting iaitu penerapan nilai agama dan pengaruh Islam serta identiti nasional/arab (Alhebsi, Pettaway, & Waller 2015). Tambahan lagi, pasca perjanjian Abraham Accord yang dimeterai oleh raja Muhamamd bin Zayed al-Nahyan bersama Israel pada tahun 2020, perubahan dalam silibus pendidikan berada dalam pelan pembaharuan bagi menyuntik elemen agama yang selaras dengan konsep toleransi, multikulturalisme dan membuang sikap anti-semitis/yahudi yang menjadi sebahagian identiti masyarakat Arab. Dengan demikian, kerajaan menyasarkan budaya ini dapat disebatkan dalam kalangan generasi baharu bagi membentuk identiti rakyat UAE berbeza (Sheff 2022).

### **4.3 Sejarah Hubungan Kerajaan-Agama Di UAE**

Di rantau Timur Tengah, pengaruh agama, etnik dan suku kaum saling berkonflik antara satu sama lain. Misalnya perkembangan ideologi pan-Islamisme ditentang oleh idea pan-Arabisme serta perpecahan sekretaniasme antara Shiisme dan Wahabisme. Timur Tengah merupakan rantau yang melahirkan pembinaan tiga ketamadunan agama yang signifikan iaitu Kristian, Yahudi dan Islam yang menjelaskan pengaruh elemen agama dalam setiap aspek kehidupan masyarakat serta kerumitan untuk membentuk konsep negara-bangsa yang sekular menurut fahaman pemikir Barat. UAE dengan majoriti bangsa Emirata asalnya yang beragama Islam merupakan wilayah yang terlibat dengan sebahagian daripada peristiwa sejarah besar kemunculan Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad saw seperti Perang Ridda yang dijalankan semasa pemerintahan Khalifah Abu Bakar untuk menentang suku kaum Arab yang kembali murtad dan memesongkan ajaran Islam dengan mengakui diri mereka sebagai

pewaris kenabian telah dijalankan di Timur Emirat dan membawa perluasan ajaran Islam di Semenanjung Arab (Khan 2019). UAE sebagai sebuah negara baharu yang disatukan pada abad ke-20 masih kurang memiliki warisan keilmuan yang asli sama ada melahirkan tokoh ulama-ulama besar dan penyebaran idea Islam melainkan banyak menerima pengaruh daripada Arab Saudi, Mesir dan Kuwait. Meskipun begitu, tradisi Islam amat tinggi dalam budaya masyarakat Emirat yang konservatif serta menjadi identiti nasional dalam menghadapi migrasi ekspatriat dalam skala yang ramai dan dasar kerajaan yang bersifat sekular (Christie 2010).

Kedudukan Islam diletakkan sebagai agama rasmi dalam perlembagaan persekutuan dengan turut menjamin hak kebebasan bagi penganut agama lain selagi mana ia tidak bertentangan dengan norma dan ketenteraman masyarakat, malah setiap individu memiliki kedudukan yang sama rata di sisi undang-undang. Pada awal abad ke-20 sehingga 1980-an, hubungan kerajaan UAE dengan autoriti agama adalah seimbang, malah kerajaan monarki di setiap sheikhdom meskipun tidak semuanya mengiktiraf secara rasmi autoriti atau gerakan agama, namun para raja memberi dana untuk membangun masjid yang besar, membina sekolah agama dan mendanai pengajuran pertandingan bersifat keagamaan seperti musabaqah al-Quran. Hasil sumber kekayaan yang diperoleh kerajaan membolehkan kerjasama antara keduanya dapat dibentuk apabila aktiviti kebudayaan dan keagamaan dapat dikembangkan hasil dukungan pemerintah (Freer 2020). Sistem pemerintahan autokratik di UAE dan kelewatan menjumpai sumber minyak di Emirat tersebut menjadi antara punca perkembangan idea dan gerakan sosial berlaku pada kadar perlahan. Pada tahun 1974 barulah cabang Ikhwanul Muslimin (IM) iaitu Jamiat al-Islah wa-l-Tawjih al-Ijtimai (Reform and Social Counseling Association) atau disebut sebagai Islah dibentuk hasil idea para pelajar tempatan yang pulang daripada menyambung pendidikan tinggi di luar khususnya Mesir. Organisasi Islah hanya merupakan pertubuhan masyarakat sivil kedua yang diiktiraf oleh Kementerian Buruh Dan Hal-Ehwal Sosial. Para pengkaji melihat pengiktirafan ini diberikan kerana melihat pontensi aliran Islamisme untuk membendung perkembangan ideologi Pan-Arabisme dan Nasionalisme yang giat terutamanya di bawah beberapa tokoh pemerintah seperti Gamel Abdul Naser (Freer 2017). Shaykh Zayed Al-Nahyan dan Shaykh Rashid bin Said Al-Maktoum merupakan kelompok pemerintah UAE yang menyokong penubuhan organisasi ini dengan memberi pelbagai sumbangan seperti mewakafkan tanah serta mendanai pelbagai program kebajikan yang dijalankan oleh organisasi berikut. Di samping itu, pertubuhan ini seperti mana idea Hassan Al-Banna yang merupakan tokoh awal penubuhan IM di Mesir menekankan aktiviti Halaqah sebagai platform diskusi dalaman serta menyebarkan idea kepada masyarakat umum melalui majalah al-Islam termasuk membangunkan sistem pendidikan Islam, mendesak bagi adanya sekatan terhadap media Barat serta perniagaan asing bagi melindungi budaya/ekonomi tempatan dan mengatasi masalah negara UAE yang semakin kurang keislamannya.

Sebelum memasuki tahun 2000, gerakan agama dibenarkan untuk bergerak bebas dan memiliki pengaruh dalam struktur eksekutif kerajaan dengan beberapa ahli gerakan dilantik dalam jawatan Menteri antaranya Shaykh Said Abdallah Salman sebagai Menteri Perumahan dan Muhammad Abd al-Rahman al-Bakr sebagai Menteri Keadilan dan Hal Ehwal Islam. Di samping itu, jawatankuasa tertinggi gerakan Islah seperti Sultan bin Kayed al-Qasimi memainkan peranan penting sebagai kumpulan pendesak terhadap polisi kerajaan khususnya dalam aspek pendidikan apabila beliau berjaya mempengaruhi keputusan kerajaan agar mengharamkan percampuran jantina, pengajaran musik dan penglibatan wanita dalam sukan. Disebabkan jumlah ahli Islah yang ramai dalam kementerian, kebanyakan jawatan-jawatan guru dilantik dari kalangan mereka dan pensyarah yang berlainan ideologi diberhentikan tanpa sebab kukuh. Golongan agamawan turut bersama dalam menentang pembaharuan dan

pemodenan dalam sistem yang ingin dilakukan oleh kerajaan termasuk menyelaraskan sistem pendidikan dan silibus secara berpusat. Tambahan lagi, ketika pengaruh gerakan agama semakin meningkat dalam sistem pendidikan tinggi pada tahun 1980-an semasa Shaykh Salman menjadi Canselor UAE Universiti telah mewujudkan kesatuan mahasiswa dan mengadakan pilihanraya kampus pertama. Justeru gerakan agama amat berpengaruh di universiti dan terlibat aktif dalam politik kampus sehingga awal 1990-an (Darwich 2017). Pertentangan idea mula muncul di antara kerajaan dan gerakan-gerakan Islam yang bersifat konservatif menyebabkan perubahan kearah pemodenan dan sekularisasi yang akan dilakukan mewujudkan ketegangan hubungan antara keduanya. Seheinggakan pada tahun 1995 apabila kritikan semakin memuncak terhadap “deislamisation” dan “dearabisation” dalam sistem pendidikan meningkat, kerajaan menyekat kesemua aktiviti gerakan Islah di luar negara, mengharamkan majalah al-Islam dan memantau semua aktiviti domestiknya melalui kementerian luar negeri (al-Zo’by & Başkan 2015).

Ketika peristiwa 11 September 2001 tercetus yang menyebabkan Amerika Syarikat di bawah Presiden Bush melancarkan kempen “War On Terror” untuk menghapuskan gerakan-gerakan pengganas (meskipun kempen ini kemudian terpalit dengan pelbagai jenayah perang seperti tahanan Abu Ghairab), UAE bersungguh untuk menonjolkan ciri kesederhanaan serta usaha untuk membanteras pengganas memandangkan dua daripada rakyatnya terlibat dalam insiden tersebut. Pada tahun 2002, bahagian keselamatan negara menangkap sehingga 250 individu atas tuduhan terlibat dengan organisasi pengganas dan tekanan ke atas gerakan al-Islah semakin kuat agar ia segera dibubarkan. Kekerasan terhadap gerakan-gerakan sosial dan politik semakin dipergiatkan menjelang tahun 2011 apabila peristiwa revolusi bermula di Tunisia pada tahun 2010. Ahli-ahli gerakan Islam di UAE khususnya para pensyarah dan golongan intelektual yang terkehadapan dalam menuntut reformasi institusi pemerintahan agar pilihanraya umum diadakan bagi memilih FNC. Pada awal April 2011, 5 daripada 133 individu yang menandatangani petisyen menuntut reformasi sistem politik didakwa secara berat sebelah (disebut UAE 5) apabila tidak diberikan hak rayuan serta dilaporkan menerima pelbagai ugutan sepanjang tempoh pendakwaan berlangsung (Human Right Watch 2011). Sehingga penghujung 2012, 94 ahli Gerakan Islah telah ditangkap (disebut UAE 94) oleh pihak kerajaan atas tuduhan bahawa terdapat pengakuan mengenai sayap bersenjata yang diwujudkan oleh gerakan tersebut untuk menjatuhkan rejim pemerintah dan daripada jumlah penangkapan tersebut, 68 individu dijatuhkan hukuman penjara 10-15 tahun (Freer 2020). Melalui corak gerakan dan tindakan organisasi Islam di UAE, Freer (2017) berpandangan bahawa gerakan Islah berbeza dengan konsep Ikhwanul Muslimin di Mesir yang terlibat dalam pilihanraya, sebaliknya gerakan Islam di UAE hanya mencabar pemerintahan melalui tuntutan reformasi sistem serta menginginkan pengaruh dalam kementerian yang pernah diperolehi mereka sebelum ini bukan sebaliknya iaitu untuk menjatuhkan kepimpinan semasa. Hal ini memandangkan partisipasi rakyatnya yang masih rendah dalam politik sehingga memustahilkan sebuah gelombang kebangkitan berlaku bagi menjatuhkan rejim semasa dan kekuatan sistem monarki yang memiliki sumber kekayaan yang luar biasa.

Presiden UAE, Khalifa Bin Zayed Al-Nahyan mengambil beberapa langkah bagi meredakan tuntutan reformasi khususnya bagi menonjolkan sisi progresif pemerintahannya kepada rakyat iaitu pada Mac 2011 sebanyak \$1.5 billion dilaburkan untuk memperbaharui perkhidmatan air dan elektrik di kawasan Utara Emirad dan meningkatkan bayaran pencen pesara tentera sebanyak 70%. Pada September 2011, Sheikh Khalifa menambah jumlah EC kepada 12% iaitu 129,274 dan pada bulan November, beliau memberi pengampunan kepada 554 banduan serta melangsaikan segala denda dan hutang yang mereka miliki. Darwich (2017) melihat langkah ini sebagai cara membeli sokongan rakyat agar tidak terpengaruh dengan tuntutan gerakan-gerakan politik oposisi yang turut merangkumi gerakan agama.

Meskipun kerajaan bersikap agresif untuk menghentikan penyebaran idea gerakan-gerakan Islam yang bersifat bebas dan mandiri daripada doktrin kerajaan, pemerintah dalam masa yang sama masih perlu menonjolkan imej Islamik sesuai dengan masyarakatnya yang konservatif dan sensitif terhadap aspek agama dan nasionalisme Arab. Diwan (2021) menghujahkan bahawa kerajaan UAE mengkehendaki agar agama yang dianuti rakyatnya bersifat ritual dan kebudayaan sahaja serta dikawal di bawah autoriti kerajaan agar tidak bersifat radikal apatah lagi sehingga menuntut perubahan. Justeru beberapa langkah drastik yang dilaksanakan bermula tahun 2000 adalah bertujuan untuk mengawal ketat aktiviti keagamaan di bawah kementerian Hal Ehwal Agama dan Keadilan yang menapis ceramah, skrip khutbah dan aktiviti masyarakat Muslim keseluruhannya (Christie 2010). Kerajaan juga turut menggalakkan kepuakan agama dengan cara menggunakan sumbangan keagamaan sebagai jaminan posisi/jawatan bagi kerabat Khalifah dalam institusi berkaitan dan ia merupakan kaedah yang tepat untuk memastikan institusi agama dimonopoli oleh agamawan yang cenderung kepada status quo sahaja (Diwan 2021).

#### **4.4 Islam Moderat: Strategi Pendekatan Atas-Bawah (Top-Down)**

Pembangunan ekonomi, perubahan demografi dan sosiologi masyarakat serta globalisasi menurut Gamal A. G. Soltan (2015) membawa fenomena modenisasi ke dalam identiti masyarakat Arab. Meskipun beliau menyedari kritikan terhadap teori modenisasi yang bersifat kebaratan, namun secara asasnya modenisasi merupakan teori berkaitan perubahan budaya, ekonomi dan sosial masyarakat ke arah yang lebih maju dan moden, justeru ia telah menyebabkan krisis identiti iaitu tafsiran semula konsep bangsa terus berlarutan semenjak kejatuhan empayar Uthmaniyah sehingga proses kemerdekaan negara-negara Arab berlaku pada tahun 1960-an. Ketika krisis identiti ini berlaku, Soltan (2015) menghujahkan bahawa kebangkitan politik Islam telah menjadi alternatif politik yang paling berpengaruh untuk menyatupadukan majoriti besar rakyat di Timur Tengah bagi menghadapi elit pemerintah sedia ada. Justeru, modenisasi di Timur Tengah dilihat mengarahkan semula kearah kebangkitan politik Islam dalam bentuk yang bervariasi termasuklah golongan pro-pendemokrasian dan golongan fundamental yang menginginkan kepatuhan penuh terhadap syariah Islam dilaksanakan dalam sebuah negara. Oposisi terbesar terhadap status quo adalah daripada gerakan-gerakan Islam khususnya di beberapa negara seperti Mesir, Sudan dan negara GCC, justeru memerlukan pemerintah memiliki strategi dalam menghadapi golongan ini sama ada melalui kekerasan atau ‘co-optation’ (Darwich 2017). Gerakan politik Islam malah menjadi cabaran bagi rejim pemerintah di negara teluk seperti Bahrain, Qatar dan UAE kerana ia didorong oleh pegangan ideologi seperti kepercayaan terhadap sistem pendemokrasian dan Islam, pegangan agama dan reformasi urus tadbir yang menggugat negara rentier dari sekadar memenuhi keperluan ekonomi setiap rakyatnya dengan subsidi, kenaikan gaji dan pemotongan cukai.

Meskipun begitu, kestabilan merupakan kunci utama perkembangan ekonomi UAE yang membolehkannya bertahan di sebuah rantau yang penuh polemik. Hal ini amat penting memandangkan semenjak sebelum kemerdekaan, ekonomi UAE bergantung kepada pekerja asing dan golongan ekspatriat yang berpindah ke negara tersebut semasa perkembangan industry minyak sehinggakan golongan ini melebihi jumlah penduduk Emirati dengan lebih 200 kerakyatan, malah UAE turut mengutamakan pelabur luar untuk membangunkan projek-projek mega dalam Free Trade Zone di daerah seperti Dubai sebagai alternatif ekonomi berteraskan minyak. Justeru, UAE giat dalam mempromosikan tradisi keagamaan yang asli untuk menghadapi golongan “Fasis Muslim” yang mencampuradukkan nilai Islam dengan kepentingan politik sehingga meminggirkan tanggungjawab kesetiannya sebagai rakyat



kepada pemerintah. Demikian, Aref Ali Nayed yang merupakan duta khas Libya di UAE dalam Forum for Promoting Peace in Muslim Societies (FPPMS) mengiktiraf UAE sebagai pelopor kepada idea Islam Moderat yang berasaskan konsep toleransi dan liberalisasi di samping bersikap apathy terhadap isu-isu politik. Justeru konsep Islam Moderat yang diinginkan tidak akan menggugat kestabilan pemerintahan semasa, namun memadai untuk menonjolkan imej Islamik. Hubungan kerajaan dan autoriti agama di UAE dapat dilihat melalui tajaan dan dukungan terhadap tokoh-tokoh agamawan serta program atau forum antarabangsa yang mempromosikan idea bersesuaian dengan aliran Islam Moderat sahaja. Melalui penelitian Amasha (2020), kerajaan UAE memberi dukungan penuh terhadap dua aliran Islam yang saling bertentangan iaitu aliran neo-tradisionalis (sufisme) dan anti-tradisionalis (progresivisme). Meskipun begitu, pengkaji mengenal pasti bahawa kedua-dua aliran ini mempunyai titik persamaan melalui sikap anti terhadap gerakan-gerakan politik Islam seperti Houthi, Ikhwanul Muslimin, Ennahda dan sebagainya.

Bahagian ini akan menerangkan secara lebih mendalam hubungan kerajaan dan autoriti agama yang terbahagi kepada dua iaitu kawalan penuh kerajaan terhadap semua institusi domestik yang berkaitan agama serta metod kedua adalah melalui tajaan kepada ulama antarabangsa dan mendanai program seperti rancangan televisyen, pertandingan, forum/diskusi dan laman web bagi membina imej pemerintah yang bersesuaian dengan budaya politik masyarakat asal.

#### *4.4.1 Kerjasama dan kekerasan untuk membanteras terorisme*

Kawalan kerajaan terhadap autoriti agama berubah sejeurus berlakunya peristiwa Arab Spring yang menjadi faktor penting perubahan polisi kerajaan yang lebih menekan dan berfokus ke arah membanteras aliran radikal. Pada tahun 2012, kerajaan UAE menubuhkan the International Center of Excellence for Countering Violent Extremism yang juga disebut sebagai Hedayah. Hedayah melibatkan pelbagai tokoh di rantau Timur Tengah khususnya yang memiliki kepakaran dalam membanteras keganasan dan terorisme. Pusat tersebut dipengerusikan oleh Ali Rashid Al Nuaimi yang merupakan ahli dalam Majlis Kebangsaan bagi Emirat Abu Dhabi dan pengerusi bagi Majlis Keselamatan, Hal Ehwal Dalam & Luar Negeri. Pusat kawalan ini malah dihubungkan kepada Pejabat PBB bagi membanteras keganasan dan platform tersebut semakin mendapat perhatian, apabila UAE mula terlibat dalam peperangan melawan ISIS di Syria dan Iraq bersama beberapa kuasa besar termasuk Amerika Syarikat dan Rusia (Amasha 2020). Pada tahun 2014, UAE menyenaraikan 82 organisasi sebagai kumpulan pengganas, yang kemudiannya mencetuskan kontroversi disebabkan perlabelan yang bersifat menyerang dan berat sebelah. Dengan kerjasama Amerika Syarikat, UAE kemudiannya turut membangunkan pusat komunikasi digital, SAWAB yang bertujuan menepis naratif kumpulan radikal di internet khususnya dalam kalangan pemuda Arab (Al-Anani 2020). SAWAB menasarkan 5 organisasi sahaja iaitu Hay'at Tahrir Al Sham, Daesh, Al-Qaeda, Houthi dan Ikhwanul Muslimin. Sasaran yang tertumpu kepada 5 gerakan politik Islam ini sahaja menurut pengkaji berkait dengan kepentingan strategik dasar luar UAE di beberapa negara termasuk Yemen dan Mesir yang mana kerajaan terlibat dalam peperangan dan intervensi politik bagi menjatuhkan pemimpin oposisi pasca revolusi, justeru ia akan diperincikan dalam bab seterusnya. Meskipun begitu, kumpulan yang dilabel memiliki persamaan dari sudut aliran agamanya yang berteraskan Islamisme, fundamentalisme dan radikalisme.

#### *4.4.2 Kawalan terhadap autoriti agama*

Selain tindakan mengharamkan dan menangkap aktivis politik termasuk golongan intelektual dan agamawan, kerajaan turut membuat perubahan struktural bagi mengawal aktiviti dan institusi agama daripada dipengaruhi aliran bersifat politik. Justeru kerajaan menubuhkan Bahagian Hal-Ehwal Agama dan Waqaf yang mengawal selia secara ketat aktiviti komuniti suni termasuk menyemak khutbah yang akan disampaikan oleh Khatib pada setiap solat Jumaat yang bertujuan untuk menyediakan panduan kepada autoriti agama agar selari dengan konsep kesederhanaan Islam dan membanteras penyebaran ideologi ekstremisme. Di Abu Dhabi, pihak berkuasa malah turut mengawal selia aktiviti dan ceramah yang disampaikan oleh para Imam Syiah di masjid mereka melalui Majlis Hal Ehwal Jaafari (Freer 2020). Dengan tujuan yang sama, kerajaan turut menubuhkan majlis Fatwa Kebangsaan untuk menghasilkan fatwa yang berautoriti dan bersifat tunggal di peringkat nasional. Di samping itu, kerajaan turut memiliki kuasa menutup laman web yang mengkritik ajaran Islam atau beraliran ekstrem serta mengharamkan penerbitan buku yang serupa (Al-Hurr 2022). Seterusnya, perubahan struktural yang dijalankan kerajaan juga menyasarkan indoktrinasi aliran moderat Islam secara top-down dengan menubuhkan Kementerian Toleransi pada tahun 2016 dan mengisytiharkan tahun 2019 khusus sebagai tahun toleransi yang mana segala inisiatif mempromosikan agenda ini diseliasa oleh Menteri Luar Negeri iaitu Abdullah bin Zayed Al Nahyan.

#### *4.4.3 Promosi toleransi inter-agama*

Selain bentuk-bentuk kawalan terhadap aliran Islamisasi, konsep Islam Moderat turut berasaskan keterbukaan terhadap kebebasan agama lain. Melalui perlembagaan, UAE mengiktiraf kedudukan rakyatnya secara sama rata tanpa mengira agama, namun dalam masa yang sama menekankan kedudukan undang-undang Syariah sebagai sumber perundangan utama. UAE malah turut memiliki Akta Anti Diskriminasi yang turut menjenayahkan sebarang tindakan yang ditafsirkan oleh kerajaan sebagai diskriminasi, menghina atau menyebarkan kebencian terhadap agama lain (Al-Hurr 2022). Pertambahan jumlah ekspatriat dari kalangan kelompok beragama Hindu, Kristian dan Sikh telah mendorong kerajaan untuk mengambil inisiatif liberalisasi dan mesra komuniti bukan Muslim seperti pembinaan kuil dan gereja baharu di Dubai. Malah kerajaan turut memberi lesen pada tahun 2019 terhadap pembinaan Gerbang Timur pertama bagi menyediakan ruang ibadah kepada jemaah Yahudi di UAE. Tambahan lagi, sebuah pusat ibadah inter-agama pertama telah dibangunkan di Abu Dhabi iaitu The Abrahamic Family House yang terdiri pelbagai rumah ibadah iaitu Masjid Imam Al-Tayeb, Gereja St. Francis dan Rumah Ibadat Moses Ben Maimon serta bangunan pusat kebudayaan dan inter-agama dikumpulkan dalam satu bangunan (Al-Anani 2020). Pembinaan pusat ibadah pelbagai agama ini menyampaikan imej Islam Moderat yang diinginkan kerajaan UAE dan mengubah imej global terhadap negara-negara Arab yang jumud dan keras terhadap agama lain khususnya seperti Arab Saudi. Perubahan polisi UAE juga semakin menonjol bermula tahun 2020 apabila perkara fundamental dalam Islam iaitu seks luar nikah dan pemilikan alcohol tidak lagi disabitkan sebagai jenayah di negara tersebut. Tambahan lagi, kerajaan turut membenarkan CBD vaping oil dibawa masuk ke dalam negaranya serta melarang pembunuhan bermaruah (honor killing). Sherlock (2022) berpendapat bahawa golongan ekspatriat yang mendominasi masyarakat asli Emirati dengan jumlah 9 nisbah 1 menjadikan aliran konservatif agama sebagai minoriti dan polisi kerajaan cenderung kepada amalan liberalisasi bagi memenuhi keperluan kelompok yang lebih ramai.

#### *4.4.4 Tajaan ke atas aliran neo-tradisionalisme dan anti-tradisionalisme*

Semenjak peristiwa serangan 9/11 berlaku, UAE terpalit dengan perspektif buruk apabila dua rakyat Emirat terlibat sebagai Hijacker bersama 17 yang lain merupakan warga Arab Saudi. Dengan demikian, kerajaan melihat keperluan untuk menjernihkan semula kesan peristiwa ini terhadap imej negara dengan menajai beberapa individu atau golongan agamawan Muslim terkemuka di peringkat antarabangsa khususnya yang beraliran neo-tradisionalis yang merupakan antidot kepada aliran Salafi-Wahhabi yang diperluaskan melalui kerajaan Arab Saudi sebelum ini. Dalam aliran Salafi-Wahabi, kelompok tasawwuf atau para sufi yang mengfokuskan kepada dimensi kerohanian Islam sering digambarkan sebagai kelompok jahat yang menjauhkan diri daripada tanggungjawab sosial khususnya dalam aspek politik. Namun, kemunculan aliran neo-tradisionalis yang berpaksikan ajaran Asyairah (dipelopori oleh Abu Hassan al-Ashaari (874–936 SM) di Basra), Maturidiah (dipelopori oleh Abu Mansur al-Maturidi (853–944)) dan mengamalkan sufisme tumbuh selepas peristiwa revolusi Arab tahun 2010 yang menyaksikan campur tangan gerakan agama dalam politik telah melahirkan kumpulan-kumpulan radikal. Justeru golongan ini mengambil pendekatan berbeza dan menerima kritikan kelompok salafi terhadap tradisionalis seperti konsep taqlid dan kejumudan ijthid yang membolehkan golongan ini mencipta epistemologi baharu dalam menghadapi isu-isu kontemporari. Penganut aliran ini terdiri daripada ulama terkenal Mauritania iaitu Abdullah bin Bayyah, muridnya iaitu Hamza Yusuf (pengasas Kolej Zaytuna yang berpangkalan di California), Habib al-Jufri yang terkenal dengan tarekat ba'alawi (tarekat merupakan jalan bagi golongan sufi mendekati diri kepada Allah SWT) dan Aref Ali Nayed yang merupakan duta rasmi Libya ke UAE sehingga tahun 2020. Para agamawan ini dikritik sebagai pendukung wacana pluralistik agama yang diagendakan Barat melalui konsep toleransi dan kesederhanaan serta menggunakan pengkategorian bersifat stereotaip di antara Muslim 'baik' yang cintakan keamanan dan Muslim 'jahat' yang cenderung kepada keganasan (Ahmad Fauzi 2019).

Hubungan baik antara kerajaan UAE dengan tokoh terkenal bin Bayyah bermula melalui bantuan unilateral kepada kerajaan Mauritania sehingga beliau berpindah ke Jeddah pada tahun 1981. Keluarga Al-Nahyan dan Bin bayyah mengekalkan hubungan rapat melalui kekerapan jemputan sebagai penceramah di Dubai. Bin Bayyah pada awalnya bersama Yusuf Al-Qaradawi yang merupakan ulama terkenal Mesir telah bersama-sama dalam beberapa forum antarabangsa seperti The European Council for Fatwa and Research (ECFR) dan International Union of Muslim Scholars (IUMS) yang berpusat di Qatar. Kerajaan UAE malah pernah menganugerahkan Qaradawi gelaran Personaliti Islam Antarabangsa bagi tahun 2000 iaitu 10 tahun sebelum berlakunya revolusi Arab. Aliran pemikiran politik bin Bayyah berbeza dengan Qaradawi khususnya dalam pandangannya yang skeptikal terhadap demokrasi liberal dan kebangkitan rakyat. Justeru semasa Arab Spring, kedua tokoh ini mengambil pendekatan berbeza kerana Bin Bayyah mengutamakan kerisauannya terhadap ketidakstabilan berbanding tindakan pemerintah yang dilihat kejam atau menindas. Hal ini kerana menurut pandangan beliau, agamawan tidak mengetahui sebab dan kesan sesuatu tindakan yang diambil pemerintah atau penilaian peribadi pemerintah adalah berdasarkan keparannya (al-dawāfi' al-khafīya) (Warren 2020).

Justeru pada tahun 2013, Bin Bayyah mengundurkan diri daripada IUMS dan membangunkan platform diskusi agama yang didukung penuh oleh kerajaan UAE iaitu The Forum for Promoting Peace in Muslim Societies (FPPMS). Forum ini menyajikan platform bagi tokoh Muslim dan sebahagian bukan Muslim untuk berdiskusi melalui konvesyen tahunan, menerbitkan buku serta majalah malah menyediakan inisiatif dalam hal-ehwal Muslim di peringkat antarabangsa (Warren 2020). Sheikh Abdullah bin Bayyah turut mengetuai sekitar 250 pemimpin Islam, di samping kira-kira 50 pemimpin bukan Islam dalam sidang di Marrakesh bertajuk "Hak Minoriti Agama dalam Komuniti Majoriti Muslim:

Rangka Kerja Undang-undang dan Seruan Bertindak”. Sidang kemuncak tersebut merupakan respon terhadap keganasan ISIS terhadap kelompok minoriti Kristian dan Yazidi di Iraq serta tambahan lagi, Bin Bayyah juga terlibat sebagai antara tokoh penting dalam Muslim Council for Elders (MCE) yang juga ditubuhkan oleh kerajaan Abu Dhabi pada tahun 2014 dengan melibatkan tokoh-tokoh besar seluruh dunia seperti Ahmed al-Tayyeb, Sheikh Sharif Ibrahim Saleh Al-Hussaini, ketua Majlis Tertinggi Nigeria bagi Hal Ehwal Islam (NSCIA) dan Muhammad Quraish Shihab, bekas menteri hal ehwal agama Indonesia (Al-Anani 2020).

Selain itu, antara tokoh yang didokong oleh kerajaan UAE juga adalah Imam Besar Al-Azhar iaitu Ahmed el-Tayeb yang mula didanai oleh kerajaan UAE dengan menyediakan liputan media khas dalam program TV yang bertajuk Al-Imam Al-Tayyeb bermula tahun 2016 sehingga 2020 yang membolehkan beliau berkongsi pandangan berkaitan isu-isu fundamental agama. Malah pemimpin-pemimpin UAE juga dilihat memberi penghormatan besar terhadap Al-Tayyeb di hadapan umum seperti mencium dahinya. Pencapaian terbesar dalam hubungan kedua entiti ini adalah pada tahun 2019 apabila kerajaan UAE berjaya mengaturkan sebuah perjumpaan bersejarah di antara Al-tayyeb bersama Pope Francis dalam konferens antarabangsa di Abu Dhabi. Beberapa tokoh yang turut ditaja adalah seperti Allahyarham Sheikh Said Ramadan al-Buti, yang terbunuh dalam serangan bom pada 21 Mac 2013 dan pendakwah kelahiran Jordan Waseem Yousef, yang merupakan penyokong tegar dasar luar UAE termasuk ketika UAE menandatangani perjanjian normalisasi bersama Israel (Amasha 2020).

Manakala aliran kedua yang turut didanai UAE meskipun dalam skala yang lebih kecil adalah aliran anti-tradisionalis atau modernis agama seperti Muhammad Shahrur yang merupakan ahli akademik Syria dan dikenali dengan kaedah intepretasi al-Quran yang baharu. Beliau pada asalnya merupakan pelajar dalam bidang kejuruteraan dari Kesatuan Soviet dan hanya mula menulis mengenai Islam pada tahun 1990. Beliau mengengahkan pelbagai idea-idea kontroversi seperti meyakini al-Quran hanya sebagai sebuah buku dan menolak kedudukan tinggi terhadap Hadith Nabi SAW. Meskipun tidak bertahan dalam tempoh yang lama, beliau pernah berkesempatan membangunkan Center for Contemporary Intellectual Studies (CCIS) yang berada di UAE dan Lubnan dan semasa tempoh penubuhannya, kerajaan UAE menaja beberapa pemuda untuk melanjutkan pelajaran di pusat tersebut. Pada tahun 2008, beliau menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *Draining the Sources of Terrorism in the Islamic Culture* yang merupakan kritikan terhadap beberapa intepretasi Islam konservatif sehingga mewujudkan fahaman radikal. Kerajaan UAE turut menamakan beliau sebagai salah seorang penerima Anugerah Buku Sheikh Zayed pada tahun 2017 disebabkan idea-ideanya yang dilabelkan progresif dan kerajaan menyediakan program realiti TV serta liputan media di beberapa saluran seperti Sky News Arabia. Namun begitu, disebabkan kemarahan berterusan beberapa pihak terhadap platform yang diberikan kerajaan terhadap Muhammad Shahrur, justeru rancangannya dalam Abu Dhabi TV pada tahun 2019 diberhentikan (Amasha 2020).

## **5. Kesimpulan**

Kesimpulannya, bahagian ini telah menganalisis hubungan antara rakyat dan institusi agama yang erat khususnya dalam aspek Pendidikan. Majoriti penduduk asal Emirata cenderung kepada aliran konservatisme dan ingin mempertahankan kedudukan agama serta identiti asal masyarakat Arab. Persaingan identiti mula muncul apabila kemunculan golongan ekspatriat dalam skala yang besar berlaku semenjak pertumbuhan industri minyak berlaku yang mana kelompok pendatang ini terdiri daripada pelbagai agama. Justeru, ia mempengaruhi

perkembangan agama di negara tersebut dan menekankan keperluan untuk rakyat menghayati konsep toleransi inter dan intra-agama. Tambahan lagi, kerajaan telah lebih awal mengenalpasti kewujudan autoriti agama yang memonopoli dan menyerap masuk ke dalam sistem pentadbiran sehingga menimbulkan kerisauan kerana pengaruh mereka terhadap polisi yang bersifat konservatif dan anti-pemodenan. Tambahan lagi, faktor serantau iaitu peristiwa 9/11 dan kebangkitan Arab Spring mempengaruhi polisi di peringkat dalaman agar lebih keras dalam menghadapi gerakan agama, namun dalam masa yang sama kerajaan cuba membentuk aliran agama masyarakat yang lebih progresif, sesuai dengan keperluan domestiknya. Courtney Freer (2020) menekankan dialog antara agama sebagai elemen penting dalam konsep Islam Moderat dengan fokus kerajaan adalah untuk memupuk fahaman agama yang bersikap “political apathy” dan berteraskan toleransi terhadap agama lain.

Tegasnya, persoalan kedua telah dijawab dengan jelas bahawa terdapat 3 faktor yang mempengaruhi perkembangan konsep Islam Moderat di UAE iaitu 1) faktor sosial seperti masyarakat yang majoritinya konservatif dan kadar partisipasi politik yang rendah, 2) faktor ekonomi iaitu kebergantungan terhadap golongan ekspatriat yang terdiri daripada pelbagai agama dan 3) faktor politik iaitu melalui tuntutan pendemokrasian oleh golongan Islamis dan gerakan transnasional yang boleh menggugat kedudukan pemerintah. Melalui ketiga-tiga analisis ini, pengkaji menghujahkan strategi kerajaan dalam mengawal naratif agama adalah melalui kaedah kekerasan dengan cara menangkap dan mendakwa secara tidak adil, kedua adalah dengan menyediakan badan pengawal ke atas semua aliran agama dan akhir sekali menaja dan mempromosikan aliran agama yang dikehendaki pemerintahan iaitu yang bersikap “quietist”.

## Rujukan

- Abdurrohman, A. (2018). Eksistensi Islam Moderat Dalam Perspektif Islam. *Rausyan Fikr*, 14(1), 29-40.
- Ahmad Fauzi, A. H. (2019). *Neo-traditionalist Islam in Malaysia: Neither Salafi nor traditionalist*. The Asia Dialogue: <https://theasiadialogue.com/2019/05/08/neo-traditionalist-islam-in-malaysia-neither-salafi-nor-traditionalist/> [8 Mei 2019]
- Ahmad, M. A. (2010). *Moderation in Islam*. Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM): <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2010/11/16/moderation-in-islam/> [16 November 2010]
- Al-Anani, K. (2020). *The UAE's Manipulative Utilization of Religion*. Arab Center Washington DC: <https://arabcenterdc.org/resource/the-uaes-manipulative-utilization-of-religion/> [29 September 2020]
- Alhebsi, A., Pettaway, L. D., & Waller, L. R. (2015). A History of Education in the United Arab Emirates and Trucial Sheikdoms. *The Global eLearning Journal*.
- Al-Hurr. (2022). العالم حول الدينية الحريات تقرير في الأوسط الشرق دول . Al-hurra [3 Jun 2022]
- al-Zo'by, M., & Başkan, B. (2015). Discourse and oppositionality in the Arab Spring: The case of the Muslim Brotherhood in the UAE. *International Sociology*, 30(4), 401-417.

- Amasha, M. (2020). *The UAE-sponsored "Islams": Mapping the Terrain*. Retrieved from Maydan Islamic Thought: <https://themaydan.com/2020/09/the-uae-sponsored-islams-mapping-the-terrain/> [15 September 2020]
- Anthony, J. D. (1975). *Arab States of The Lower Gulf: People, politic, petroleum*. Washington D.C: The Middle East Institute.
- Ashour, O. (2007). Lions Tamed? An Inquiry into the Causes of De-Radicalization of Armed Islamist Movements: The Case of the Egyptian Islamic Group. *Middle East Journal*, 61(4), 596-625.
- Baycar, H., & Rakipoglu, M. (2022). The United Arab Emirates' Religious Soft Power through Ulema and Organizations. *Religions*, 13(646).
- Bel-Air, F. D. (2015). Demography, Migration, and the Labour Market in the UAE. *Gulf Labour Markets and Migration*. European University Institute (EUI).
- Christie, K. (2010). Globalisation, Religion and State Formation in the United Arab Emirates and Pakistan. *Totalitarian Movements and Political Religions*, 11(2), 203-212.
- Darwich, M. (2017). Creating the enemy, constructing the threat: the diffusion of repression against the Muslim Brotherhood in the Middle East. *Democratization*. doi:10.1080/13510347.2017.1307824
- Diwan, K. (2021). Clerical associations in Qatar and the United Arab Emirates: soft power competition in Islamic politics. *International Affairs*, 97(4), 945-963.
- Ehteshami, A. (2003). Reform from above: The Politics of Participation in the Oil Monarchies. *International Affairs (Royal Institute of International Affairs)*, 53-75.
- Esposito, J. L. (2005). Moderate Muslims: A Mainstream of Modernists, Islamists, Conservatives, and Traditionalists. *American Journal of Islam and Society*, 22(3), 11-20. doi:<https://doi.org/10.35632/ajis.v22i3.465>
- Foley, S. (1999). *The UAE: Political Issues and Security Dilemmas*. Retrieved from Middle East Review of International Affairs: [https://ciaotest.cc.columbia.edu/olj/meria/meria99\\_foley01.html](https://ciaotest.cc.columbia.edu/olj/meria/meria99_foley01.html)
- Freer, C. (2017). Rentier Islamism In The Absence Of Elections: The Political Role Of Muslim Brotherhood Affiliates In Qatar And The UAE. *Int. J. Middle East Study*, 479-500.
- Freer, C. (2020). State religious authorities in rentier economies and the management of independent Islamism. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 469-3542.
- Golson, Y. Y. (2007). Overhauling Islam: Representation, Construction, and Cooption of Moderate Islam in Western Europe. *Journal of Church and State*, 49(3), 487-516.
- Gray, M. (2011). A Theory of "Late Rentierism" in the Arab States of the Gulf. *Center for International and Regional Studies*.
- Human Right Watch. (2011). *UAE: Investigate Threats against 'UAE 5'*. HRW.org: <https://www.hrw.org/news/2011/11/25/uae-investigate-threats-against-uae-5> [5 November 2011]
- Human Right Watch. (2021). *World Report 2022*. HRW.org: <https://www.hrw.org/world-report/2022/country-chapters/united-arab-emirates> [24 Oktober 2021]

- Khan, S. M. (2019). *Ridda Wars*. World History: [https://www.worldhistory.org/Ridda\\_Wars/](https://www.worldhistory.org/Ridda_Wars/)
- Kourgiotis, P. (2020). Moderate Islam' Made in the United Arab Emirates: Public Diplomacy and the Politics of Containment. *Religions*, 11(43), 1-17.
- Martín, M. S. (2014). Rentierism And Political Culture In The United Arab Emirates: The Case Of UAEU Students. *University of Exeter*.
- Mohamed, E. (2008). *The debate on UAE national identity*. Gulf News: <https://gulfnews.com/uae/the-debate-on-uae-national-identity-1.106921> [26 Mei 2008]
- Osborne, C. (1977). *The Gulf States and Oman*. London: Croom Helm.
- Peterson, J. (2022). *History of the United Arab Emirates*. The Editors of Encyclopaedia Britannica: <https://www.britannica.com/place/United-Arab-Emirates/Foreign-relations>
- ReliefWeb. (2008). *UAE's assistance to Palestine in tune of \$ 4.2bn since 1994*. reliefweb: <https://reliefweb.int/report/occupied-palestinian-territory/uaes-assistance-palestine-tune-42bn-1994> [19 Julai 2008]
- Safei, A. (2021). Promoting moderate Islam in a global community through the 'English for Ulama' programme. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*, 77(4).
- Sheff, M. (2022). *The UAE education system is pushing for peace and religious tolerance. The rest of the region should follow suit*. AtlanticCouncil.org: <https://www.atlanticcouncil.org/blogs/menasource/the-uae-education-system-is-pushing-for-peace-and-religious-tolerance-the-rest-of-the-region-should-follow-suit/> [2 Mac 2022]
- Sheline, A. (2017). Middle East regimes are using 'moderate' Islam to stay in power. In *Adaptation Strategies of Islamist Movements* (pp. 47-48). POMEPS Studies.
- Sherlock, R. (2022). *Why United Arab Emirates is relaxing laws on sex, marriage, liquor, vapes and more*. American University Radio: <https://wamu.org/story/22/01/11/why-united-arab-emirates-is-relaxing-laws-on-sex-marriage-liquor-vapes-and-more/> [11 Januari 2022]
- Shoup, J. A. (2022). *The History of The United Arab Emirates*. Santa Barbara, California: Greenwood.
- Soltan, G. A. (2015). State Building, Modernization and Political Islam: The Search for Political Community(s) in the Middle East. *AfersIn ternacionainsu*, 29-38.
- Suleiman, A. (2007). *The Petroleum Experience of Abu Dhabi*. Abu Dhabi: The Emirates Center for Strategic Studies and Research.
- The Gulf House for Studies and Publishing. (2022). *Political Participation index in GCC States*. Retrieved from The Gulf House for Studies and Publishing: <https://gulfhouse.org/gccppi-en/>
- The UAE. (2022). *The Fact Sheet*. Telecommunication and digital government Regulatory Authority: <https://u.ae/en/about-the-uae/fact-sheet#:~:text=The%20UAE%20area%20is%20approximately,of%20the%20country's%20total%20landmass.&text=The%20UAE%20is%204%20hours%20ahead%20of%20GMT,-Climate&text=The%20UAE%20maintains%20a%20desert%20climate.>

- Warren, D. H. (2020). *The Modernist Roots of Islamic Autocracy: Shaykh Abdullah Bin Bayyah and the UAE-Israel Peace Deal*. Maydan Islamic Thought: <https://themaydan.com/2020/08/the-modernist-roots-of-islamic-autocracy-shaykh-abdullah-bin-bayyah-and-the-uae-israel-peace-deal/> [27 Ogos 2022]
- Yaghi, A., & Antwi-Boateng, O. (2015). Determinants of UAE Voters' Preferences for Federal National Council Candidates. *Digest of Middle East Studies*, 213-235.
- Zahlan, R. S. (1978). *The Origin of The United Arab Emirate: A Political and Social History of Trucial States*. London: The Macmillan Press Ltd.